

10 NOV 1998

APEC-BERITA-ANWAR/I

JANGAN TIMBULKAN ISU ANWAR DI APEC, GESA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Jika ada pemimpin Apec yang menimbulkan isu penangkapan dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sidang kemuncak mereka di sini minggu depan, Malaysia akan menyifatkannya sebagai campurtangan dalam hal-ehwal dalaman negara ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

"Anda tidak dapat bayangkan bagaimana, jika sidang kemuncak Apec diadakan di Washington, jika (Presiden Amerika Syarikat Bill) Clinton ditanya mengenai hubungannya dengan Monica Lewinsky," katanya apabila ditanya apakah reaksi Malaysia jika ada pemimpin menimbulkan isu Anwar.

"Kita harus mematuhi apakah itu Apec," katanya selepas melancarkan Pusat Media Antarabangsa di Pusat Pameran Mines di sini bagi wartawan yang membuat liputan mesyuarat Apec.

Pemimpin dari 21 negara akan mengadakan perjumpaan bagi sidang kemuncak tahunan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 17 dan 18 Nov ini selepas mesyuarat-mesyuarat peringkat menteri dan pegawai kanan dari 12 hingga 16 Nov.

Beberapa pemimpin negara Apec telah mengulas mengenai penangkapan Anwar tetapi kebelakangan ini, sebahagian daripada mereka telah menyatakan bahawa ia adalah pendapat peribadi sementara yang lain berkata mereka akan menurut agenda Apec.

Rafidah berkata: "Kami (Apec) mempunyai banyak isu untuk dibincangkan di antara pemimpin dan menteri tanpa menyimpang perhatian mereka.

"Ia (isu Anwar) tidak ada kena mengena dengan Apec dan ia adalah hal-ehwal dalaman," katanya.

"Saya akan menyifatkan sesiapa sahaja, sama ada pemimpin atau tidak, yang menimbulkan isu ini dan bercakap mengenai hal-ehwal dalaman sebagai campurtangan," katanya.

"Saya tidak fikir ada masa untuk setiap orang membincangkan dengan lanjut apa yang ada dalam agenda," katanya sambil merujuk kepada agenda sidang Apec ini walaupun ada kemungkinan beberapa pegawai mahu menimbulkan isu Anwar.

Apabila ditanya apakah yang akan berlaku jika isu Anwar ditimbulkan di mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rafidah berkata: "Sekali lagi, kami tidak menjangkakan Perdana Menteri akan bertanya, contohnya, Presiden Clinton apakah yang berlaku dengan dakwaan (terhadap Presiden Amerika Syarikat) itu, sila petik apa saya kata."

-- BERNAMA

TEAM SHY JR